

25/04/1997

Seminar pulihkan semula imej Islam

KUALA LUMPUR, Khamis - Simposium Dunia Islam Dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21 esok menjadi platform bagi menyebarkan mesej sebenar Islam kepada seluruh masyarakat dunia.

Dengan penyertaan lebih 42 peserta luar negara dan 80 peserta tempatan yang membabitkan tokoh dan pakar pelbagai bidang seperti politik, sains sosial dan ekonomi, seminar itu begitu bermakna dalam memulihkan semula imej Islam.

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata seminar ini adalah lanjutan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertajuk Islam: The Misunderstood Religion di Universiti Oxford April tahun lalu.

"Ia bertujuan memperluas dan memperdalamkan isu yang dibangkitkan Perdana Menteri supaya peserta simposium dapat menyebarkannya dengan lebih meluas, tepat dan jitu," katanya.

Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapatama bertajuk 'Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21' dalam simposium yang akan diadakan di Hotel Sunway Lagoon Resort dekat sini.

(END)